



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Brunei Mega Sales 2021 akan bermula dari 1hb April
Para peserta diingatkan untuk membina keyakinan dan pengalaman positif
ke arah mempromosikan ‘membeli-belah di Brunei

Tarikh : 27 Mac 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan hormatnya mengumumkan acara jualan mega seluruh negara akan diadakan bermula dari 01 April 2021 hingga 26 Mei 2021 selama 56 hari. Ini adalah merupakan masa yang penting pada tahun ini kerana semua warga tempatan mula giat membuat persiapan untuk meraikan musim perayaan Hari Raya di bulan Ramadhan dan Syawal.
2. Pada tahun ini, acara seumpamanya yang dinamakan sebagai Brunei Mega Sales 2021, akan dianjurkan satu minggu lebih awal dari tahun-tahun lalu sebagai usaha bagi menyediakan peluang kepada para peniaga untuk sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan aktiviti perekonomian domestik berikutan dengan pemulihan ekonomi dari wabak COVID-19. Penyertaan peniaga-peniaga atas talian adalah juga turut digalakkan ke arah memberikan pengguna pelbagai pilihan produk pada harga yang kompetitif dan pilihan berbelanja. Institusi kewangan yang menawarkan pelbagai jenis kad kredit adalah juga dialu-alukan untuk menyertai acara jualan mega seluruh negara ini.
3. JPES menggalakkan penyertaan para peniaga dari pelbagai sektor dengan menawarkan diskaun menarik untuk barangan yang dijual dan tawaran-tawaran yang kreatif terutama sekali bagi produk-produk buatan Brunei sendiri dalam mendokong usaha Kebangsaan bagi merangsang kegiatan pertumbuhan ekonomi melalui sokongan terhadap peniaga tempatan dan pelbagai tawaran perniagaan yang berdaya saing ke arah meningkatkan penggunaan.
4. Semua peniaga yang ikut serta dalam acara ini akan disenaraikan dalam platform tambahan di dalam aplikasi mudah alih *PenggunaBijak* bagi tujuan publisiti dan meningkatkan *visibility*.

5. Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (DCCA) di JPES mengingatkan para peserta Brunei Mega Sales 2021 untuk membina keyakinan dan pengalaman positif ke arah mempromosikan membeli-belah secara tempatan dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Jualan Murah dan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011. Ini termasuk memastikan strategi harga adalah beretika dan diskaun yang ditawarkan adalah tulen supaya para pengguna tidak keliru dengan merasa telah membuat penjimatan ke atas tawaran yang tidak tulen.
6. Pihak DCCA boleh mengarahkan para peniaga untuk membekalkan sebarang maklumat keterangan yang berkaitan termasuk harga sebelum jualan untuk disediakan sesuai selaras dengan Peraturan-Peraturan Jualan Murah semasa mengendalikan pemeriksaan. Menurut undang-undang para peniaga adalah dikehendaki untuk membekalkan maklumat dan data yang sah dan benar. Pemalsuan harga diskaun untuk mengelirukan pengguna atau kegagalan untuk menyediakan maklumat kukuh bagi mengesahkan diskaun adalah menjadi satu kesalahan di bawah Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dan Peraturan-Peraturan Jualan Murah yang boleh dikenakan denda maksima BND20,000 dan 5 tahun penjara.
7. Barangan yang ditawarkan untuk jualan secara fizikal mahupun atas talian hendaklah juga dibubuh tanda harga dengan terang dan jelas selaras dengan Peraturan Paparan Tanda Harga untuk memastikan ketelusan harga bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian yang bermaklumat. Selaras dengan Peraturan-Peraturan Harga Jualan Murah, Notis Jualan yang diberikan oleh JPES hendaklah dipaparkan dengan terang, jelas dan nyata atau tersedia pada bila-bila masa kepada orang ramai secara atas talian sebagai pengesahan penyertaan dalam Brunei Mega Sales 2021.
8. Para peserta adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, seperti dengan menyediakan kod QR yang bersesuaian dan mencukupi di premis masing-masing dan mengehadkan perhimpunan ramai maksimum 1,000 orang di dalam premis pada satu-satu masa.
9. Penyertaan dalam Brunei Mega Sales 2021 adalah dibukakan sekarang dan para peniaga hanya perlu menghadapkan Borang Penyertaan ke JPES sebelum 31 Mac 2021. Borang Penyertaan tersebut boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES di www.jpes.gov.bn/cad dan hendaklah dikembalikan melalui e-mel ke sales@jpes.gov.bn atau dihantar terus ke kaunter JPES.
10. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada JPES melalui aplikasi mudah alih *PenggunaBijak*, e-mel (sales@jpes.gov.bn) atau talian 223 0223 (semasa waktu bekerja).

Logo





PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Brunei Mega Sales 2021 to kick-off 1st April
Participants reminded to build trust and positive experience
to promote shop-in-Brunei

Date: 27 March 2021

1. The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy is pleased to announce that the annual nationwide mega sales event will start from 01 April 2021 to 26 May 2021 for 56 days. This is an important time of the year as locals start preparing for the Hari Raya festive season in Ramadhan and Syawal.
2. This year, the event renamed as the Brunei Mega Sales 2021, will commence one week earlier than in previous years in an effort to provide retailers with the opportunity to play their part in boosting domestic economic activities as the economy recovers from the COVID-19 pandemic. Online businesses are also encouraged to participate to offer consumers with a greater range of products at competitive prices and shopping options. Financial institutions offering various credit cards are also encouraged to take part in the nationwide event.
3. JPES encourages businesses from all sectors to participate by offering attractive discounts for sale items and creative offers especially for made-in-Brunei products, in support of the national effort to boost economic growth through competitive business offerings to boost consumption and support local businesses.
4. Participating businesses will be featured in the *PenggunaBijak* mobile app to provide businesses with more publicity and visibility.
5. The Department of Competition and Consumer Affairs (DCCA) in JPES reminds participants of Brunei Mega Sales 2021 to build consumer trust and create a positive experience of shopping locally by observing the Sales Regulations and the Consumer Protection (Fair Trading) Order, 2011. This includes ensuring that pricing strategies are ethical and discounts offered are genuine so that consumers are not misled into having a false sense of savings.

6. The DCCA may request retailers for relevant data including presale price to be provided under the Sales Regulation during inspections. Businesses are required by law to provide credible data. Falsifying discount pricing to mislead consumers or failing to produce information to prove valid discounts are offenses under the Consumer Protection (Fair Trading) Order and the Sales Regulations, which carries a maximum penalty of a \$20,000 fine and imprisonment for 5 years.
7. Goods offered on sale in physical and online stores must also be clearly price-tagged in line with the Display of Prices Regulations, which ensures price transparency to enable consumers to make informed purchase decisions. In line with the Cheap Sales Price Regulations, Sales Notices issued by JPES must be clearly displayed at each participating business premises or made readily available to the public on online platforms as an identification of legitimate participation to Brunei Mega Sales 2021.
8. Participating businesses are also reminded to adhere to the latest guidelines issued by the Ministry of Health (MOH), such as by providing appropriate and sufficient QR codes at their respective premises and by limiting the number of customers in the premises to a maximum of 1000 at any one time.
9. Participation to Brunei Mega Sales 2021 is now open and businesses may submit their Notification Forms to JPES before 31 March 2021. Notification Forms can be downloaded from the JPES website at www.deps.gov.bn/cad and submitted via email to sales@jpes.gov.bn or to the JPES counter. Any business inquiries can be directed to JPES through the *PenggunaBijak* mobile app, email (sales@jpes.gov.bn) or by phone (223 0223 during office hours).

Logo

